

14hb. Mei, 1977.

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1977<sup>1</sup>**

### **Perlaksanaan Tanggagaji Bersih Baharu -**

#### **Laporan Jawatankuasa Kabinet**

#### **Pengubahaian Gaji Pegawai-pegawai Sementara**

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa Tanggagaji Bersih Baharu akan dilaksanakan mulai dari 1.7.77 dan bayaran Elaun Bantuan Khas dan Bonus sebulan gaji akan ditarik balek. Berikut adalah peraturan bagi menyesuaikan gaji bagi pegawai-pegawai sementara kepada Tanggagaji Bersih Baharu yang tersebut.

2. Pegawai-pegawai sementara yang memiliki kelulusan yang disyaratkan oleh skim perkhidmatan samada mengisi jawatan tetap ataupun jawatan sementara adalah layak diberi kemudahan-kemudahan dan keistimewaan-keistimewaan seperti yang diberikan kepada pegawai-pegawai tetap dan syarat perkhidmatannya hendaklah juga dipinda menurut syarat-syarat perkhidmatan seperti di dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun .1977** mulai dari 1.7.77 tetapi mereka akan terus tinggal dengan syarat lantikan sementara. Bagi maksud itu gaji pegawai sementara berkenaan hendaklah diubahsuaikan kepada tanggagaji bersih baharu yang ditawarkan kepada pegawai-pegawai tetap yang sejawatan dengannya menggunakan sifir pemindahan yang berkenaan seperti di dalam Lampiran 'B' kepada **Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 1977**. Tanggagaji bersih baharu khas untuk penyandang tidak boleh diberi kepada pegawai-pegawai sementara.
3. Pegawai sementara yang memegang jawatan sementara boleh juga diubahsuaikan gajinya kepada tanggagaji bersih baharu yang ditetapkan untuk jawatannya itu mulai dari 1.7.77. Tanggagaji bersih baharu bagi jawatan sementara biasanya serupa juga dengan gred jawatan tetap yang berkenaan. Perubahan gaji boleh dilakukan seperti dalam perenggan 2 di atas. Di mana-mana tanggagaji jawatan sementara sekarang berlainan daripada jawatan tetapnya, keputusan Jabatan Perkhidmatan Awam hendaklah diminta untuk mengubahnya kepada tanggagaji bersih baharu. Syarat perkhidmatannya pun adalah dari sebulan ke sebulan. Keperluan jawatannya hendaklah diulangkaji dari semasa ke semasa dan perkhidmatan pegawai sementara itu ditamatkan apabila keperluan untuknya selesai.
4. Pekerja-pekerja sementara tidak layak menerima keistimewaan pencen. Mereka juga tidak layak mendapat pinjaman di bawah Rancangan Bantuan Perumahan.
5. Syarat perkhidmatan bagi semua pekerja-pekerja sementara adalah dari sebulan ke sebulan. Pekerja-pekerja sementara yang mengisi jawatan-jawatan sementara boleh ditamatkan perkhidmatan mereka apabila keperluan bagi mereka telah se-

<sup>1</sup>. Dibatalkan oleh **SPP Bil. 14/78** - "Penjelasan mengenai cara dan peraturan pemindahan gaji ke tanggagaji bersih baharu laporan jawatankuasa Kabinet."

lesai. Bagi pekerja-pekerja sementara yang mengisi jawatan-jawatan tetap pula, perkhidmatan mereka boleh ditamatkan apabila calon-calon yang memiliki kelulusan penuh sepertimana yang disyaratkan oleh skim perkhidmatan diperolehi untuk mengisi jawatan-jawatan tetap yang berkenaan.

6. Kadar bayaran bagi pekerja sambilan adalah tertakluk kepada kajian dan Ketua Jabatan hendaklah melaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menimbangkan kadar bayaran baru lantikan itu.

Saya yang menurut perintah,

(S. VELOO)

Bahagian Gaji

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Awam,

Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri.